

Newspaper	Berita Harian
Date	25 August 2015

Pastikan murid SK Sungai Besi selesa: PM

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengarahkan Kementerian Pendidikan supaya mengambil langkah segera bagi memastikan murid Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Besi, di sini, dapat belajar dalam keadaan selesa.

Menerusi kenyataan dalam blog rasminya, Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu selepas beliau meninjau sendiri keadaan sekolah berkenaan di kawasan perindustrian Sungai Besi, semalam.

"Saya ingin melihat murid di sini belajar dalam keadaan persekitaran yang kondusif dan selesa. Selepas mendengar taklimat dan melihat sendiri keadaannya, saya mengarahkan dengan segera Kementerian Pendidikan untuk memastikan keadaan lebih selesa di setiap bilik, termasuk bilik perpustakaan," katanya.

Beliau juga mahu kawasan lapang di pintu depan dilitupi atap agar murid dapat mengadakan aktiviti luar kelas serta memastikan mereka dilindungi daripada sinar matahari yang terik dan hujan.

Selain itu, Perdana Menteri juga mahu bilik air ditambah



Najib ketika melawat SK Sungai Besi, Kuala Lumpur, semalam.

bagi keselesaan murid dan kakitangan sekolah berkenaan.

Najib berkata, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Madinah Mohamad akan melaksanakan semua yang diperlukan bagi memastikan keselesaan kakitangan dan murid SK Sungai Besi.

Katanya, Madinah akan melaporkan kepada beliau status kemajuan keaja penambahbai-

kan berkenaan sehingga proses selesai.

Kualiti udara tidak sihat

Sementara itu, Najib meminta penduduk di Sarawak mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak masalah kesihatan susulan kualiti udara tidak sihat di beberapa kawasan di negeri itu.

"Ambil langkah berjaga-jaga

dan kurangkan aktiviti luar bagi elak daripada masalah kesihatan," katanya dalam catatan di laman Twitternya.

Sehingga jam 7 malam tadi, tiga kawasan di Sarawak iaitu Sri Aman, Samarahan dan Kuching mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat. Sri Aman merekodkan bacaan IPU 124; Samarahan (121) dan Kuching (113).